


**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BILANGAN 6 TAHUN 2015**  
**PERMOHONAN UBAH SYARAT NYATA / KATEGORI BAGI TANAH LAPANG**

---

Arahan ini dikhaskan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah berkenaan permohonan-permohonan ubah syarat / kategori bagi tanah-tanah lapang dalam Negeri Kelantan.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri ke 63 (Bil 4/2015) yang bersidang pada 22hb.November, 2015 telah dibangkitkan mengenai banyak permohonan-permohonan ubah syarat / kategori tanah bagi tanah-tanah lapang telah diterima. Mesyuarat berpandangan bahawa kawasan tanah-tanah lapang ini perlu dikekalkan untuk tujuan kegunaan awam pada masa akan datang.
3. Sehubungan dengan itu, semua pentadbir-pentadbir tanah hendaklah mengambil tindakan sebagaimana berikut :-
  - 3.1. Membuat pengesyoran agar permohonan-permohonan ini ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.
  - 3.2. Memastikan tindakan penguatkuasaan atas perlanggaran syarat diambil bagi semua tanah-tanah lapang yang belum diserahkan kepada Kerajaan tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada.
4. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

  
.....  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, DPSK (Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN.**

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Dato' Ustaz Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Kelantan
8. Yang Amat Berusaha  
Semua Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL NO: PTG.KN.32/69 JLD.4(06)  
BERTARIKH : 24 NOVEMBER, 2015 / 13 SAFAR 1437H**